



MPC.100-2/2/2

8 Januari 2021

Mr. Anthony Tan
Top Foresight Sdn. Bhd.
Block A1-13A-01
Arcoris Mont Kiara
No 10 Jalan Kiara Mont Kiara
50480 Kuala Lumpur

Tuan,

TAWARAN SEBAGAI MODERATOR BAGI PROGRAM ADVOCATING e-SHARED PROSPERITY ORGANISATION (eSPO) PLATFORM (Januari - Ogos)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ingin menawarkan pihak tuan sebagai moderator bagi program **Advocating e-Shared Prosperity Organisation (eSPO) Platform**. Untuk makluman, eSPO telah dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada 17 Disember 2020. Pemilihan pihak tuan dibuat berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran dalam inisiatif meningkatkan produktiviti dan daya saing organisasi.

3. Objektif utama program adalah untuk membimbing organisasi bagi mendapatkan sijil Perakuan eSPO berkenaan. MPC berharap, dengan kepakaran pihak tuan, ia dapat merancang lagi penyertaan organisasi dalam semua sektor utama ekonomi untuk memperoleh sijil perakuan eSPO.

4. Bersama-sama ini disertakan Terma Rujukan di Lampiran 1 untuk makluman dan juga Borang Setuju Terima di Lampiran 2. Mohon untuk mengembalikan borang setuju terima kepada pihak kami selewat-lewatnya pada **13 Januari 2021 (Rabu)**. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SUGUMAR SAMINATHAN

Pengarah
Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

TERMA RUJUKAN

Skop Kerja

1. Setiap sesi perlu menggunakan slaid standard eSPO yang disediakan oleh pihak Sekretariat eSPO.
2. Menguruskan sesi libat urus (*engagement session*), termasuklah penyediaan senarai semak mesyuarat, menyiapkan dokumen, membuat panggilan rasmi dan membuat tindakan susulan.
3. Melaksanakan sesi libat urus mengenai eSPO secara dalam talian yang merangkumi kepentingan penyertaan organisasi, faedah dan cara mendaftar dan kelayakan mendapat sijil perakuan.
4. Membuat demonstrasi pengisian eSPO dengan mengambil maklumat sebenar salah satu organisasi peserta.
5. Penyertaan organisasi bagi setiap sesi hendaklah sekurang-kurangnya 10 organisasi atau syarikat.
6. Setiap moderator digalakkan untuk melaksanakan 20 sesi.
7. Setiap sesi diperuntukkan masa selama empat (4) jam iaitu dua (2) jam untuk sesi taklimat, satu (1) jam untuk membantu syarikat untuk mendaftar eSPO, dan satu (1) jam untuk menyediakan laporan untuk dihantar kepada Sekretariat eSPO.
8. Platform: Microsoft Teams, Webex, Zoom, GoToMeeting. Pautan akan disediakan oleh Sekretariat eSPO.
9. Menghadiri mesyuarat dalam talian sekiranya diminta oleh Sekretariat eSPO untuk sesi pelaporan dan perkara berbangkit.

Penghantaran Laporan

1. Laporan yang perlu dihantar ialah seperti berikut:
 - i. Senarai kehadiran peserta (lengkap dengan tarikh sesi, nama pegawai dan organisasi);
 - ii. Laporan maklumbalas dari organisasi.
2. Setiap laporan hendaklah disediakan selepas setiap sesi selesai dan dihantar melalui platform yang akan dimaklumkan oleh sekretariat eSPO.

Pembayaran

1. Kadar bayaran adalah RM1,000.00 bagi setiap sesi (RM250.00 x 4jam).
2. Bayaran akan dibuat selepas sekurang-kurangnya lima (5) sesi dilaksanakan oleh setiap moderator yang dilantik.

BORANG SETUJU TERIMA

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
Selangor
(u.p.: Puan Nurul Syamimi Ismail)

Puan,

TAWARAN SEBAGAI MODERATOR BAGI PROGRAM *ADVOCATING e-SHARED PROSPERITY ORGANISATION (eSPO) PLATFORM*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya, (No. K/P:)
**** bersetuju / tidak bersetuju** dengan tawaran sebagai moderator seperti yang dinyatakan dalam surat pihak puan bertarikh 8 Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
()

No. akaun :

Nama bank :

Tarikh :

Cop (jika ada) :

**** potong mana yang tidak berkenaan**